

16 APR 1998

ASEAN MESTI BERSATU PADU KE ARAH PERSEPADUAN EKONOMI SERANTAU

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Asean mestilah bersatu padu dan bergerak ke arah perpaduan ekonomi serantau, kata setiausaha agung Asean yang baru dilantik, Rodolfo Severino, hari ini.

Beliau berkata Asean mestilah mengambil pendekatan suara berkumpulan dalam menangani krisis kewangan yang menjejaskan rantau ini kerana ia mempunyai kedua-dua dimensi global dan serantau.

Suara berkumpulan adalah penting kerana ia akan menyumbang ke arah mempengaruhi evolusi sistem kewangan antarabangsa, katanya.

"Perdagangan mata wang akan menjadi unsur penting daripada evolusi itu," katanya kepada para pemberita selepas lawatan rasmi pertamanya sebagai setiausaha agung baru Asean menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Severino berkata perbincangannya selama setengah jam ketika pertemuan dengan Perdana Menteri berpusat kepada krisis kewangan serta masalah jerebu yang di hadapi oleh negara-negara Asean ketika ini.

Beliau juga berkata Dr Mahathir menekankan keperluan kepada Asean untuk bersatu padu dalam menghadapi krisis kewangan ketika ini.

"Beliau begitu mengambil berat terhadap usaha-usaha dalam berurusan dengan perubahan struktur kewangan sistem antarabangsa," katanya. --

BERNAMA

DVS ZK